

MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 47  
No. 13

**19hb Jun 2003**

*TAMBAHAN No. 61  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 196.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL PASAR  
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Larangan ke atas pasar persendirian tanpa lesen
4. Permohonan untuk mendapatkan lesen
5. Fi tidak boleh dibayar balik
6. Bayaran balik deposit
7. Notis pemberhentian
8. Pelucuthakan deposit
9. Kehendak-kehendak dalam bangunan bagi pasar persendirian dan pasar awam
10. Kehendak-kehendak bagi pasar

Undang-  
undang  
kecil

11. Bekalan air
12. Kehendak-kehendak kebersihan
13. Terma dan syarat bagi pengeluaran lesen pasar persendirian
14. Mempamerkan lesen
15. Tuan punya gerai hendaklah hadir
16. Pelantikan seorang nomini
17. Gerai tidak boleh diserahkan hak, dipajak, disewa atau disewa kecil
18. Peraturan tempat jualan
19. Pembaziran air dilarang
20. Penjualan makanan tidak berkhasiat dilarang
21. Sekitar gerai hendaklah dijaga kebersihannya
22. Pembuangan sampah
23. Halangan
24. Peredup dan ubah suaian
25. Membawa masuk kenderaan
26. Kacau ganggu
27. Meminta sedekah atau mendedahkan apa-apa kecacatan dilarang
28. Orang yang berpenyakit
29. Mengganggu pemasangan elektrik atau air
30. Kuasa untuk memeriksa
31. Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan
32. Pemasangan alat atau sambungan elektrik
33. Fi lesen
34. Pemindahan gerai atau petak dan penggantian lesen
35. Halangan, penyitaan dan tahanan
36. Pengecualian
37. Penalti
38. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (WILAYAH PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 73(d) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahsuaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2002 [*P.U. (A) 142/2002*], Perbadanan Putrajaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta itu, Menteri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**Nama dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2003**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“gerai” termasuklah sesuatu petak, gerai berkunci, meja, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, petak peraga dinding, kenderaan atau apa-apa perkakas lain sama ada mudah alih atau tidak mudah alih dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dijual atau didedahkan untuk dijual di mana-mana pasar awam atau pasar persendirian;

“pasar awam” ertinya sesuatu pasar yang dimiliki, dipajakkan atau disenggarakan oleh Perbadanan;

“pasar persendirian” ertinya sesuatu pasar selain pasar awam dan termasuklah pasar mini, pasar raya dan pasar hiper;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];

“petak” ertinya mana-mana ruang yang ditetapkan dalam sesuatu pasar awam atau pasar persendirian dan digunakan untuk menjual apa-apa barang yang diluluskan oleh Perbadanan;

“tuan punya gerai” ertinya seseorang yang dilesenkan oleh Perbadanan untuk menjual dalam pasar awam itu dan dalam hal pasar persendirian seseorang individu yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar persendirian untuk menjual dalam pasar persendirian itu dan dalam kedua-dua keadaan itu termasuklah orang yang bertanggungjawab bagi gerai sedemikian.

**Larangan ke atas pasar persendirian tanpa lesen**

3. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan, mengendalikan atau menjalankan sesuatu pasar persendirian di mana-mana tempat, tanah pegangan atau bangunan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menjual atau mendedahkan atau menyimpan untuk dijual apa-apa haiwan atau daging, ikan, ayam itik, buah-buahan, sayur-sayuran atau benda makanan lain yang mudah musnah bagi tujuan makanan manusia, atau apa-apa pakaian, dagangan atau barang lain di mana-mana pasar awam kecuali dalam gerai atau petak yang baginya lesen telah diberi oleh Perbadanan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

**Permohonan untuk mendapatkan lesen**

4. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibuat kepada Perbadanan mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Apabila permohonan itu diluluskan, Perbadanan hendaklah mengeluarkan lesen tertakluk kepada—

- (a) apa-apa syarat dan sekatan yang dinyatakan di dalamnya;
- (b) bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama; dan
- (c) bayaran suatu deposit apa-apa jumlah wang yang ditentukan oleh Perbadanan;

(3) Lesen itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut—

- (a) nama, alamat terkini dan nombor kad pengenalan pemegang lesen;
- (b) gambar terbaru berukuran pasport pemegang lesen;
- (c) tempat perniagaan;
- (d) tempoh sahnya lesen;
- (e) jenis lesen;
- (f) jenis makanan, minuman atau barang yang akan dijual;
- (g) nama, alamat, nombor kad pengenalan dan gambar terbaru berukuran pasport pembantu yang diambil kerja oleh pemegang lesen, jika ada;
- (h) waktu perniagaan; dan
- (i) terma, syarat dan sekatan yang difikirkan perlu oleh Perbadanan untuk dikenakan.

(4) Perbadanan boleh mengeluarkan lesen bagi apa-apa tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan bagi maksud undang-undang kecil ini, sebahagian bulan hendaklah disifatkan sebagai satu bulan.

(5) Jika mana-mana tempoh suatu lesen adalah kurang dari satu tahun, fi yang kena dibayar bagi lesen itu hendaklah dihitung atas asas bulan ke bulan berdasarkan kepada kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, dan bagi maksud undang-undang kecil ini, sebahagian bulan hendaklah disifatkan sebagai satu bulan.

#### **Fi tidak boleh dibayar balik**

5. Fi yang dibayar bagi suatu lesen yang dikeluarkan di bawah subperenggan 4(2)(b) tidak boleh dibayar balik.

#### **Bayaran balik deposit**

6. Sesuatu deposit yang dibayar di bawah subperenggan 4(2)(c) hendaklah, melainkan dilucuthakkan di bawah undang-undang kecil 8, dibayar balik dengan tiada pelarasan bagi faedah atas amaun yang didepositkan kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen itu telah berhenti berniaga dan apabila lesen itu diserahkan balik kepada Perbadanan dalam keadaan lesen itu belum habis tempoh.

#### **Notis pemberhentian**

7. Pemegang lesen hendaklah memberitahu Perbadanan secara bertulis sebaik selepas dia memberhentikan perniagaannya.

#### **Pelucuthakan deposit**

8. (1) Perbadanan boleh melucuthakkan kesemua atau sebahagian daripada deposit itu jika Perbadanan berpuas hati bahawa terdapat pelanggaran syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Dengan pelucuthakan deposit itu, lesen itu hendaklah disifatkan telah dibatalkan, melainkan jika Perbadanan, atas permohonan pemegang lesen membenarkan lesen itu terus berkuat kuasa tertakluk kepada pembayaran semula deposit yang telah dilucuthakkan.

#### **Kehendak-kehendak dalam bangunan bagi pasar persendirian dan pasar awam**

9. (1) Dinding bagi pasar persendirian atau awam hendaklah sempurna kemasannya dengan permukaan licin yang boleh dibersihkan dengan mudah dan cepat tanpa apa-apa unjuran atau ceruk atau sudut yang mungkin mengumpulkan habuk.

(2) Lantai hendaklah diperbuat daripada bahan kalis air yang dikemaskan dan dicuramkan dengan licin supaya segala bendalir mudah mengalir ke parit.

(3) Parit hendaklah dibina daripada batu-batu bergariskan simen yang baik dengan bentuk separa bulat sebelah bawah atau separuh paip tembikar berglis yang garis pusatnya hendaklah tidak kurang daripada 15 sentimeter dan hendaklah cukup bilangannya serta cerunnya supaya dapat mengalirkan keluar segala air dan bendalir lain.

(4) Lantai di tingkat atas hendaklah dibina dengan sempurna dengan menggunakan simen konkrit atau papan lantai yang bertanggam dan beralur atau selainnya ditanggam supaya kedap air.

### **Kehendak-kehendak bagi pasar**

10. (1) Dinding bagi pasar persendirian atau awam hendaklah dibina setinggi 180 sentimeter dari lantai yang permukaannya ialah genting berglis, batu-bata berglis atau bahan kalis air lain sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan.

(2) Semua meja, kaunter bangku panjang atau petak peraga dalam pasar persendirian atau awam hendaklah diliputi marmar, genting berglis, keluli tahan karat, kaca aluminium atau apa-apa bahan lain yang diluluskan oleh Perbadanan.

(3) Peti sejuk, peti dingin beku atau penyejuk dari sesuatu bentuk yang diluluskan hendaklah dipasang jika dikehendaki berbuat demikian oleh Perbadanan.

(4) Menyiang ayam itik tidak boleh dijalankan di sesuatu pasar.

(5) Ayam itik hidup atau apa-apa binatang hidup tidak boleh dibawa ke dalam sesuatu pasar.

(6) Lantai sesuatu pasar persendirian atau awam hendaklah sentiasa bersih dan kering kecuali apabila dicuci.

(7) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

### **Bekalan air**

11. Bekalan air yang bersih dan selamat hendaklah sentiasa ada di premis itu yang boleh diperolehi daripada bekalan air awam atau daripada sumber lain sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan.

### **Kehendak-kehendak kebersihan**

12. (1) Seseorang pemegang lesen sesuatu pasar persendirian atau pemegang lesen sesuatu gerai atau petak di sesebuah pasar awam hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut—

- (a) pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Perbadanan dalam hal sesebuah pasar persendirian atau sesuatu pasar awam semua barang yang mudah alih hendaklah dikeluarkan dari premis berlesen itu dan keseluruhan premis itu dibersihkan, dicatkan atau disapu kapur, dan segala pembaikan yang perlu hendaklah dibuat terhadap premis itu;

- (b) semua makanan yang bertujuan untuk dijual hendaklah berada dalam keadaan bersih dan dilindungi dengan berkesan daripada lalat, binatang perosak, serangga, habuk, kotoran atau bahan, barang atau benda lain yang merosakkan;
- (c) semua perkakas dan pemasangan yang digunakan di premis itu hendaklah berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada apa-apa endapan beracun atau pencemaran;
- (d) apa-apa peralatan tidur atau pakaian tidak boleh digantung atau disimpan dalam mana-mana bahagian pasar selain suatu kawasan yang disediakan khas untuk tujuan itu;
- (e) menyimpan makanan, sama ada yang dimasak atau mentah, dalam keadaan kemas dan bersih supaya ia tidak dihindangi lalat, binatang perosak, serangga, kotoran, habuk atau bahan, lain barang atau benda lain yang merosakkan;
- (f) membungkus segala makanan untuk pelanggan dengan kertas atau suratkhbar atau bahan lain yang bersih dan tidak tercemar dengan apa jua cara;
- (g) menyimpan segala perkakas dan alat-alat yang digunakan berkaitan dengan perniagaannya supaya bersih dan tidak tercemar dengan apa jua cara;
- (h) menyanggara diri dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih; dan
- (i) mengecat gerainya seberapa kerap yang diarahkan berbuat demikian oleh Perbadanan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

#### **Terma dan syarat bagi pengeluaran lesen pasar persendirian**

13. (1) Dalam hal sesuatu pasar persendirian, Perbadanan boleh menentukan—

- (a) bilangan maksimum gerai atau petak yang boleh didirikan atau ditetapkan dalam pasar persendirian itu;
- (b) kedudukan dalam kawasan pasar persendirian yang gerai atau petak itu boleh didirikan atau digariskan;
- (c) jenis makanan yang dimasak atau tidak dimasak, minuman atau barang yang dijual atau yang akan dijual dalam tiap-tiap seksyen atau bahagian pasar persendirian itu; dan
- (d) apa-apa kehendak lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Perbadanan.

(2) Perbadanan boleh mengeluarkan lesen bagi pasar persendirian atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

#### **Mempamerkan lesen**

14. (1) Seseorang pemegang lesen—

- (a) sesuatu pasar persendirian hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di bahagian yang mudah dilihat di premisnya;

(b) sesuatu gerai atau petak dalam sesuatu pasar awam hendaklah menyimpan lesen itu sendiri atau di suatu tempat yang membolehkannya mengeluarkan lesen itu apabila diminta.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

### **Tuan punya gerai hendaklah hadir**

15. (1) Seseorang tuan punya gerai di sesuatu pasar—

(a) hendaklah pada setiap masa hadir dan mengawasi penjualan di gerai atau petaknya melainkan jika dia tidak dapat berbuat demikian kerana sesuatu sebab yang munasabah;

(b) boleh dengan kebenaran Perbadanan secara bertulis, mengambil kerja seorang pembantu yang nama dan gambar pembantu itu hendaklah diletakkan pada lesen, dan tuan punya gerai itu hendaklah bertanggungjawab atas tindakan pembantunya dan hendaklah hadir sendiri di gerai itu atau petak itu pada masa yang ditetapkan oleh Perbadanan.

### **Pelantikan seorang nomini**

16. (1) Jika seseorang tuan punya gerai di mana-mana pasar awam meninggalkan gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, dia hendaklah melantik seorang nomini bagi menggantikannya dengan mendapat kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada Perbadanan.

(2) Fi sebanyak lima puluh ringgit hendaklah dibayar oleh seseorang tuan punya gerai bagi pelantikan seorang nomini.

### **Gerai tidak boleh diserahkan hak, dipajak, disewa atau disewa kecil**

17. (1) Seseorang tuan punya gerai tidak boleh menyerahkan hak, memajakkan, menyewakan atau menyewa kecil gerainya.

(2) Mana-mana tuan punya gerai yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

### **Peraturan tempat jualan**

18. Perbadanan dalam hal sesuatu pasar awam dan seseorang pemegang lesen bagi pasar persendirian boleh mengumpukkan bahagian atau umpukan yang berlainan bagi penjualan berbagai jenis makanan yang sudah dimasak atau makanan mentah, minuman, benda atau barang-barang dan tiada seorang pun boleh mempamer untuk dijual atau menjual apa-apa makanan, minuman, benda atau barang-barang di tempat lain selain bahagian atau umpukan yang telah diasingkan untuk penjualan makanan, minuman, benda atau barang-barang itu.



**Pembaziran air dilarang**

19. Jika bekalan air awam disediakan dalam mana-mana pasar awam, tiada seorang pun boleh membazir air dan semua orang hendaklah mematuhi arahan yang diberikan oleh Perbadanan.

**Penjualan makanan tidak berkhasiat dilarang**

20. (1) Tiada seorang pun boleh mempamer untuk dijual atau menjual di mana-mana pasar apa-apa makanan atau minuman yang tidak berkhasiat untuk dimakan oleh manusia.

(2) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyiasat, memeriksa dan menyita mana-mana binatang yang berpenyakit, daging, ikan atau buah-buahan, sayur-sayuran dan benda makanan dan minuman lain yang tidak berkhasiat atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia dan boleh mengarahkan benda-benda itu dimusnahkan.

**Sekitar gerai hendaklah dijaga kebersihannya**

21. (1) Tiap-tiap tuan punya gerai di sesuatu pasar hendaklah menjaga apa-apa lebu, laluan atau ruang di hadapan, di belakang atau di tepi gerai atau petaknya dan di sekitarnya supaya berada dalam keadaan bersih dan memuaskan hati Perbadanan.

(2) Mana-mana tuan punya gerai yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

**Pembuangan sampah**

22. (1) Tiap-tiap tuan punya gerai hendaklah mengadakan dan menyenggara dengan baik di gerainya atau petaknya bilangan tong sampah bertutup yang mencukupi daripada reka bentuk dan bahan yang diluluskan oleh Perbadanan.

(2) Segala sampah hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau bekas lain sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan, sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

(3) Tuan punya gerai tidak boleh—

- (a) meletak atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan dibuang habuk, kotoran, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong, bandela atau benda atau barang lain ke dalam sesuatu longkang, laluan pejalan kaki atau jalan raya di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa jua benda atau barang di mana-mana tempat yang ia boleh masuk atau mungkin masuk ke dalam mana-mana longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (c) menjemur apa-apa benda makanan atau barang atau benda lain di mana-mana longkang, laluan pejalan kaki atau jalan yang di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;

- (d) membuang, meletak, menumpah atau menabur apa-apa darah, air masin, buangan cecair, cecair berbahaya atau benda lain yang busuk atau kotor daripada apa-apa jenis dengan sesuatu cara supaya ia mengalir atau masuk ke dalam longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang, atau di sebelah gerainya;
- (e) menjatuhkan, menumpah atau menabur apa-apa kotoran, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput, jerami, abu, sampah tred, sampah atau apa-apa barang atau benda lain ke dalam longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (f) mengayak, menggoncang, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, batu arang, rambut, kertas buangan, bulu atau benda lain dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya; atau
- (g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, cebisan makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya.

(4) Jika, dalam mana-mana prosiding kerana apa-apa pelanggaran terhadap peruntukan undang-undang kecil ini, ditunjukkan bahawa apa-apa sampah sarap, kotoran atau bahan atau benda lain yang tidak diletakkan dalam tong sampah tetapi di dalam mana-mana laluan, longkang, laman atau tempat lain di hadapan, di belakang atau di tepi gerai atau petak, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa ia telah diletakkan di dalamnya atau di atasnya oleh, atau dengan kebenaran, tuan punya gerai atau petak yang terletak terdekat sekali dengan sampah sarap, kotoran atau bahan atau benda lain itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

### **Halangan**

23. (1) Tiada tuan punya gerai dalam sesuatu pasar awam boleh—

- (a) meletak, mendirikan atau menempatkan gerai atau petaknya melebihi had-had yang ditentukan baginya;
- (b) menyebabkan atau membenarkan mana-mana barang, barang dagangan atau barang lain, alat atau benda yang berkaitan dengan perniagaannya diletak, dipamer atau didedah untuk jualan di atas mana-mana tangga, lorong, jalan lalu atau jalan tembus pasar atau sebelah atas, di atas atau merintang mana-mana parit atau bahagiannya;
- (c) menyebabkan atau membenarkan barang dagangan atau barang lain, alat atau benda yang berkaitan dengan perniagaannya menganjur melebihi had-had gerai atau petak yang diperuntukkan kepadanya;
- (d) menyebabkan sesuatu halangan di pasar atau mana-mana lebu, laluan atau jalan masuk ke sesuatu pasar apa-apa kenderaan, barang, kotak, bakul, kereta sorong atau benda lain; dan

- (e) mendirikan apa-apa kotak, para, atau struktur lain di gerai atau petak yang tingginya melebihi 2.4 meter daripada paras lantai, atau timbunan atau susunan barang-barang, kotak, bakul, bungkusan atau benda lain di atas gerai atau petak yang melebihi paras tinggi yang tersebut itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

#### **Peredup dan ubah suaian**

24. (1) Tiada seorang pun boleh mendirikan apa-apa peredup, pelindung atau sesekat atau membuat apa-apa ubah suaian atau tambahan kepada mana-mana gerai atau petak tanpa kebenaran bertulis daripada Perbadanan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

#### **Membawa masuk kenderaan**

25. (1) Tiada seorang pun boleh memandu apa-apa kenderaan bermotor atau membawa apa-apa basikal masuk ke dalam sesuatu pasar awam.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

#### **Kacau ganggu**

26. (1) Tiada seorang pun dalam mana-mana pasar boleh—

- (a) melakukan kacau ganggu;
- (b) meludah ke atas lantai, gerai atau bahagian lain pasar;
- (c) membuang apa-apa sayur-sayuran, najis binatang, organ dalaman binatang, sampah sarap atau bahan atau benda busuk lain ke atas mana-mana gerai, lebu, laluan, tangga atau mana-mana bahagian pasar kecuali ke dalam tong sampah atau bekas; atau
- (d) memelihara atau membawa binatang sama ada berikat atau tidak ke dalam pasar atau dengan sengaja membiarkan atau membenarkan apa-apa binatang mengekorinya ke dalam pasar.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

#### **Meminta sedekah atau mendedahkan apa-apa kecacatan dilarang**

27. (1) Tiada seorang pun boleh mengemis atau meminta sedekah atau mendedahkan apa-apa penyakit kulit, luka, penyakit atau kecacatan pada tubuh badan dalam mana-mana pasar dan mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menghalau orang sedemikian dari pasar tersebut, dan orang-orang yang menderita itu tidak boleh terlibat atau membantu dalam apa-apa perniagaan di dalamnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

**Orang yang berpenyakit**

28. (1) Tiada seorang pun yang menghidap penyakit merebak atau berjangkit atau membawa jangkitan apa-apa penyakit boleh terlibat dalam penyediaan atau penjualan makanan dalam mana-mana pasar.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

**Mengganggu pemasangan elektrik atau air**

29. (1) Tiada seorang pun boleh mengubah atau mengganggu mana-mana pemasangan elektrik atau air dalam mana-mana pasar awam.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan sesuatu kesalahan.

**Kuasa untuk memeriksa**

30. (1) Tiada seorang pun boleh menghalang mana-mana pegawai diberi kuasa daripada memasuki atau memeriksa mana-mana bahagian sesuatu pasar pada bila-bila masa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan**

31. Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh mengusir atau menyebabkan diusir daripada sesuatu pasar awam mana-mana orang atau orang gajinya yang telah disabitkan atas mana-mana kesalahan atau kerana mengingkari mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan boleh menghalang orang itu atau orang gajinya daripada menjalankan lagi apa-apa urusan perniagaan dalam pasar itu atau menduduki mana-mana gerai di dalamnya dan boleh menamatkan apa-apa pajakan atau tempoh pemegangan orang itu mengenai sesuatu gerai, kedai atau tempat lain.

**Pemasangan alat dan sambungan elektrik**

32. (1) Tiada apa jua alat atau sambungan elektrik boleh dipasang atau disambung oleh seseorang tuan punya gerai dalam sesuatu pasar awam tanpa kebenaran bertulis daripada Perbadanan dan tuan punya gerai itu hendaklah menanggung segala kos dan perbelanjaan mengenai penyambungan, pendawaian atau pemasangan itu dan hendaklah membayar segala caj elektrik sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

**Fi lesen**

33. Fi lesen yang kena dibayar bagi gerai atau petak dalam sesuatu pasar awam hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama. Fi lesen

yang kena dibayar bagi sesuatu pasar persendirian hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

### **Pemindahan gerai atau petak dan penggantian lesen**

34. Sekiranya Perbadanan membenarkan pemindahan sesuatu gerai atau petak dalam sesuatu pasar awam fi yang kena dibayar adalah lima puluh ringgit. Dalam hal keadaan sesuatu lesen digantikan oleh sebab kehilangan atau kerosakan kepada lesen asal, fi yang kena dibayar adalah lima puluh ringgit.

### **Halangan, penyitaan dan tahanan**

35. (1) Tiada seorang pun boleh meletak atau menyebabkan diletak apa-apa barang, bahan atau benda dalam mana-mana pasar sehingga menyebabkan suatu halangan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita dan menahan apa-apa barang, bahan atau benda yang sedemikian di suatu tempat yang ditentukan oleh Perbadanan dan selepas itu apa-apa barang, bahan atau benda yang sedemikian hendaklah, sehingga dituntut di bawah perenggan (6) undang-undang kecil ini, tetap berada di Perbadanan atas risiko tuan punya itu sendiri.

(4) Walau apa pun peruntukan dalam perenggan (3) undang-undang kecil ini, mana-mana pegawai diberi kuasa tidak boleh menyita apa-apa barang mudah rosak kecuali setelah suatu notis mengarahkan tuan punya memindahkan barang-barang berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis telah diserahkan kepada tuan punya itu dan dia gagal berbuat demikian.

(5) Apa-apa barang mudah rosak yang disita selepas notis disampaikan di bawah perenggan (4) undang-undang kecil ini boleh dilupuskan mengikut mana-mana cara yang ditentukan oleh Perbadanan.

(6) Mana-mana orang mempunyai apa-apa tuntutan terhadap mana-mana barang selain barang mudah rosak yang dilupuskan di bawah perenggan (5) undang-undang kecil ini boleh menuntut barang-barang tersebut daripada Perbadanan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penyitaan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Perbadanan dan kepada pembayaran kompaun yang ditentukan oleh Perbadanan.

(7) Sekiranya tidak ada tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang sitaan tersebut selepas tempoh tujuh hari yang ditetapkan, barang tersebut boleh dilupuskan dengan cara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

### **Pengecualian**

36. Perbadanan boleh mengikut budi bicaranya mengecualikan mana-mana pasar daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

**Penalti**

37. Seseorang yang melakukan mana-mana kesalahan di bawah undang-undang kecil 3, 10, 12, 14, 15, 16, 17, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 32 dan 35 boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**Pembatalan**

38. Undang-Undang Kecil Pasar (Perbadanan Putrajaya) 1999 [Sel. P.U. 17/1999] dibatalkan.

## JADUAL PERTAMA

## LESEN GERAI PASAR AWAM

## (Perenggan 4(2))

<i>Jenis gerai</i>	<i>Barang yang dijual</i>	<i>Kadar sebulan (RM)</i>
1. Gerai berkunci	semua jenis	50.00
2. Gerai pasar	(a) ikan	50.00
	(b) daging	50.00
	(c) buah-buahan/ sayur-sayuran telur/tauhu	40.00
	(d) barang-barang lain	40.00
3. Petak penjaja (dalam dan luar)	ikan/sayur-sayuran/ buah-buahan	30.00
4. Kelapa	Kelapa parut	40.00

## JADUAL KEDUA

## BAYARAN LESEN SETAHUN BAGI PASAR PERSENDIRIAN

## (Undang-undang kecil 33)

1. Pasar persendirian:
  - (a) Luas lantai 70 meter persegi atau lebih RM450.00
  - (b) Luas lantai kurang daripada 70 meter persegi RM350.00

2. Pasar hiper, pasar raya dan pasar mini:

(a) Luas lantai 186 meter persegi atau lebih      RM1,500.00

(b) Luas lantai kurang daripada 186 meter persegi      RM700.00

Dibuat 8 Mei 2003.

[PPj/Undang(A)4-29; PN(PU<sup>2</sup>)328B/III]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN

*Presiden,  
Perbadanan Putrajaya*

Disahkan 26 Mei 2003.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
*Perdana Menteri*

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**

**MARKET (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2003**

**ARRANGEMENT OF BY-LAWS**

By-law

1. Citation and application
2. Interpretation
3. Prohibition of private market without a licence
4. Application for licence
5. Fee not refundable
6. Refund of deposit
7. Notice of cessation
8. Forfeiture of deposit
9. Building requirements of private market and public market
10. Requirements of a market
11. Water supply
12. Sanitary requirements
13. Terms and conditions for the issuance of private market licences
14. Display of licence
15. Stallholder to be present
16. Appointment of a nominee
17. Stall not to be assigned, leased, let out or sublet
18. Regulation of place for sale
19. Wastage of water prohibited
20. Sale of unwholesome food is prohibited
21. Surrounding of stall to be kept clean
22. Disposal of refuse
23. Obstruction
24. Sunshades and alterations
25. Entry of vehicles
26. Nuisance
27. Begging or exposure of any deformity prohibited



## By-law

28. Diseased person
29. Interference with electrical or water fittings
30. Power of inspection
31. Power to expel person breaking regulation and to terminate lease
32. Installation of electrical appliances and connection
33. Licence fees
34. Transfer of stall or pitch and replacement of licence
35. Obstruction, seizure and detention
36. Exemption
37. Penalty
38. Revocation

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## MARKET (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2003

IN exercise of the powers conferred by paragraph 73(d) of the Local Government Act 1976 [Act 171], as modified by the Federal Territory of Putrajaya (Modification of Local Government Act 1976) Order 2002 [P.U. (A) 142/2002], the Perbadanan Putrajaya makes and pursuant to section 103 of that Act, the Minister hereby confirms, the following by-laws:

**Citation and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Market (Federal Territory of Putrajaya) By-Laws 2003**.

(2) These By-Laws shall apply only to the Federal Territory of Putrajaya.

**Interpretation**

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“stall” includes a pitch, a lock-up stall, table stool, bench, basket, chair, wall showcase, vehicle or any other appurtenance whether portable or non-portable and whether on wheels or not on wheels, whereon or wherein food, drinks or goods are sold or exposed for sale in any public market or private market;

“public market” means any market owned, leased or maintained by the Perbadanan;

“private market” means any market other than a public market, and includes a minimarket, supermarket and hypermarket;

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [Act 536];

“pitch” means any space designated in a public market or a private market and used for sale of any article approved by the Perbadanan;

“stallholder” means a person licensed by the Perbadanan to sell within a public market and in the case of a private market an individual who is permitted by the licensee of the private market to sell within that private market and in both instances include the person in charge of such stall.

**Prohibition of private market without a licence**

3. (1) No person shall establish, conduct or carry on a private market in any place, holding or building without a licence issued by the Perbadanan under these By-Laws.

(2) No person shall sell or expose or store for sale any animal or meat, fish, poultry, fruit, vegetable or other perishable articles of food intended for human consumption, or any clothing, merchandise or other goods in any public market

except in a stall or pitch in respect of which he has been granted a licence by the Perbadanan.

(3) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Application for licence**

4. (1) An application for a licence under this by-law shall be made to the Perbadanan in such form and manner as the Perbadanan may determine.

(2) Upon approval of the application, the Perbadanan shall issue a licence subject to—

- (a) such conditions and restrictions as may be specified therein;
- (b) payment of a fee as set out in the First Schedule; and
- (c) payment of a deposit of such sum as the Perbadanan may determine.

(3) The licence shall contain the following information—

- (a) name, current address and identity card number of the licensee;
- (b) recent passport-sized photograph of the licensee;
- (c) the site of the business;
- (d) the period for which the license shall be valid;
- (e) the type of licence;
- (f) the type of food, drink, or goods to be sold;
- (g) the name, address, identity card number and recent passport-sized photograph of the assistant employed by the licensee, if any;
- (h) the business hours; and
- (i) the terms, conditions and restrictions as the Perbadanan may think fit to impose.

(4) The Perbadanan may issue a licence for any period not exceeding three years and is renewable, subject to payment of the fee as set out in the First Schedule, and for the purpose of this by-law, part of a month shall be deemed to be a month.

(5) Where any period of a licence is less than a year, the fee payable for such licence shall be calculated on a month-to-month basis based on the rate as set out in the Second Schedule, and for the purpose of this by-law, part of a month shall be deemed to be a month.

#### **Fee not refundable**

5. The fee paid for a licence issued under subparagraph 4(2)(b) shall not be refundable.

**Refund of deposit**

6. The deposit paid under subparagraph 4(2)(c) shall, unless forfeited under by-law 8 be refunded with no adjustment for interest on the amount deposited to the licensee after the licensee has ceased operations and upon surrender of the licence to the Perbadanan in the event that the licence has not expired.

**Notice of cessation**

7. The licensee shall notify the Perbadanan in writing as soon as he has ceased operations.

**Forfeiture of deposit**

8. (1) The Perbadanan may forfeit the deposit in whole or in part if the Perbadanan is satisfied that there has been a breach of the conditions or restrictions of the licence or contravention of the provisions of these By-Laws.

(2) Upon forfeiture of such deposit, the licence shall be deemed to be cancelled, unless the Perbadanan, on the application of the licensee allows the licence to continue to be in force subject to repayment of the deposit that has been forfeited.

**Building requirements of private market and public market**

9. (1) The walls of a private or public market shall be well finished with a smooth surface capable of being easily and quickly cleansed without any projection or recess or angle that is likely to collect dust.

(2) The floors shall be made of strong impervious material smoothly finished and graded so that all fluids may readily gain access to the drains.

(3) The drains shall be constructed of brick lined with good cement with a semi-circular bottom or of glazed earthenware half-pipes and shall be of a diameter of not less than 15 centimetres and shall be sufficient in number and gradient so as to carry off all water and other fluids.

(4) The floors of the upper storeys shall be properly constructed with cement concrete or with close floorboards tongued and grooved or otherwise jointed so as to be watertight.

**Requirements of a market**

10. (1) The walls of any private or public market shall be constructed up to a height of 180 centimeters from the floor faced with glazed tiles, glazed bricks or such other impervious material as may be approved by the Perbadanan.

(2) All tables, counters, benches or showcases in a private or public market shall be covered with marble-glazed tiles, stainless steel, aluminium glass or any other material as may be approved by the Perbadanan.

(3) Refrigerators, freezers or chillers of an approved design shall be installed if so required by the Perbadanan.

- (4) No dressing of poultry shall be carried out in any market.
- (5) Live poultry or any live animal shall not be brought into any market.
- (6) The floor of a private or public market shall at all times be clean and dry except when being washed.
- (7) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

### **Water supply**

11. There shall be constantly available on the premises a supply of clean and wholesome water, which shall be obtained from the public water supply or such other sources as may be approved by the Perbadanan.

### **Sanitary requirements**

12. (1) A licensee of a private market or a licensee of a stall or pitch in a public market shall conform to the following requirements—

- (a) at all times as the Perbadanan may direct in the case of a private market or a public market all portable articles shall be removed from the licensed premises and the whole premises thoroughly cleansed, painted or limewashed, and all necessary repairs shall be done to the premises;
- (b) all food intended for sale shall be kept in a clean manner and effectively protected from flies, vermin, insects, dust, dirt or other harmful substances, matter or thing;
- (c) all utensils and fittings used on the premises shall be kept in a clean condition and free from any noxious deposit or contamination;
- (d) no articles of bedding or clothing shall be hung or stored in any part of a market other than in an area specially allocated for that purpose;
- (e) keep all food, whether cooked or uncooked, in a clean and hygienic condition so that it does not come into contact with flies, vermin, insects, dirt, dust or other harmful substances, matter or thing;
- (f) pack all food for customers with papers or newspaper or other material which is clean and not contaminated in any way;
- (g) keep all apparatus and utensils used in connection with his business clean and not contaminated in any way;
- (h) maintain his personality and clothing in a state of cleanliness; and
- (i) paint his stall as often as he may be directed to do by the Perbadanan.

(2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

### **Terms and conditions for the issuance of private market licences**

13. (1) In the case of a private market, the Perbadanan may specify—

- (a) the maximum number of stalls or pitches that may be set up or allotted within that private market;

- (b) the position within the private market in which such stalls or pitches may be set up or marked out;
- (c) the nature of the cooked or uncooked food, drink or goods sold or to be sold in each section or portion of the private market; and
- (d) such other requirements as the Perbadanan may deem necessary.

(2) The Perbadanan may issue a licence for private markets on such terms and conditions as the Perbadanan may think fit.

#### **Display of licence**

14. (1) A licensee—

- (a) of a private market shall at all times display his licence in a conspicuous part of his premises;
- (b) of a stall or pitch in a public market shall keep his licence on his own or in such a place as to enable him to produce the license on demand.

(2) Any licensee who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Stallholder to be present**

15. (1) The stallholder in any market—

- (a) shall at all times be present and supervise the sale at his stall or pitch unless he is unable to do so for some reasonable cause;
- (b) may with the permission of the Perbadanan in writing, employ an assistant whose name and photograph shall be affixed to the licence, and he shall be responsible for the actions of his assistant and shall personally be present at his stall or pitch at the time determined by the Perbadanan.

#### **Appointment of a nominee**

16. (1) If a stallholder in any public market leaves his stall for a period of thirty days or more, he shall appoint a nominee in his place with the prior approval in writing of the Perbadanan.

(2) A fee of fifty ringgit shall be payable by a stallholder for the appointment of a nominee.

#### **Stall not be assigned, leased, let out or sublet**

17. (1) A stallholder shall not assign, lease, let out or sublet his stall.

(2) Any stallholder who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Regulation of place for sale**

18. The Perbadanan in the case of a public market and a licensee of a private market may apportion different parts or portions for the sale of different types

of cooked or uncooked food, drink, articles or goods and no person shall expose for sale or sell any food, drink, article or goods other than in that part or portion which has been set apart for the sale of the same.

#### **Wastage of water prohibited**

19. Where a public water supply is provided in any public market, no person shall waste water and all persons shall comply with such directions as may be given by the Perbadanan.

#### **Sale of unwholesome food is prohibited**

20. (1) No person shall expose for sale or sell in any market any unwholesome article of food or drink for human consumption.

(2) Any authorised officer may inspect, examine and seize any diseased animal, meat, fish or fruit, vegetable and other articles of food or drink which are unwholesome or unfit for human consumption and may order such articles to be destroyed.

#### **Surrounding of stall to be kept clean**

21. (1) Every stallholder in a market shall keep any avenue, passage or space immediately in front of, behind or by the side of his stall or pitch and vicinity in a state of cleanliness to the satisfaction of the Perbadanan.

(2) Any stallholder who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Disposal of refuse**

22. (1) Every stallholder shall provide and maintain in good order in respect of his stall or pitch a sufficient number of covered dustbins of a design and material as approved by the Perbadanan.

(2) All refuse shall be placed in a plastic bag or other container as may be approved by the Perbadanan, before they are deposited in a refuse bin.

(3) No stallholder shall—

- (a) place or throw or cause or allow to be placed or thrown any dust, dirt, paper, ash, carcass, refuse, box, barrel, bale or other article or thing in any drain, walkway or street in the front, rear or sides of the stall;
- (b) keep or leave any article or thing whatsoever in any place where it may pass or is likely to pass into any drain, walkway or street in the front, rear or sides of the stall;
- (c) dry any article of food or other article or thing in any drain, walkway or street in the front, rear or sides of the stall;
- (d) throw, place, spill or scatter any blood, brine, swill, noxious liquid or other offensive or filthy matter of any kind in such manner as to run or fall into any drain, walkway or street in the front, rear or sides of the stall;

- (e) drop, spill or scatter any dirt, sand, earth, gravel, stone, grass, straw, ash, trade refuse, garbage or any other thing or matter in any drain, walkway or street in the front, rear or sides of the stall;
- (f) sieve, shake, clean, beat or otherwise stir any lime, ash, sand, coal, hair, waste paper, feather or other substance in such manner that it is carried or likely to be carried by the wind in to any drain, walkway or street in the front, rear or sides of the stall; or
- (g) throw or leave behind any bottle, glass, can, food container, food wrapper, particle of food or any other article or thing in any drain, walkway or street in the front, rear or sides of the stall.

(4) If in any proceeding for any contravention of the provisions of this by-law it is shown that any garbage, refuse, rubbish or other matter or thing was not deposited in a refuse bin but in any passageway, drain, yard or other place immediately in the front of, behind or by the side of a stall or pitch, it shall be presumed, unless the contrary is proved, that the same was deposited therein or thereon by or with the permission of the stallholder whose stall or pitch is situated nearest to such garbage, refuse, rubbish or other matter or thing.

(5) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

### **Obstruction**

23. (1) No stallholder in any market may—

- (a) place, erect or post his stall or pitch beyond the limits allotted to him;
- (b) cause or permit any of his goods, wares or other articles, utensils or things pertaining to his business to be placed, displayed or exposed for sale on any of the steps, gateways, passages or thoroughfares of the market, or over, upon or across any drain or part thereof on the market;
- (c) cause or permit his wares, goods or other articles, utensils or things pertaining to his business to project beyond the limits of the stall or pitch allotted to him;
- (d) cause any obstruction in any market or in any street, passage or approach to any market with any vehicle, goods, box, basket, wheel barrow or other things; and
- (e) erect any box, shelf, or other loft or other structure on his stall or pitch to a height exceeding 2.4 meters from ground level or pile or stack up goods, boxes, baskets, packages or other things on the stall or pitch beyond the said height.

(2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

### **Sunshades and alterations**

24. (1) No person shall erect any sunshade, screen or partition or make any alteration or addition to any stall or pitch in any market without the written consent of the Perbadanan.



- (2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Entry of vehicles**

25. (1) No person shall drive any motor vehicle or bring any bicycle into any public market.

- (2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Nuisance**

26. (1) No person shall in any market—

- (a) commit a nuisance;
- (b) spit onto the floor, stall or other part of the market;
- (c) throw any vegetable, animal faeces, offal, garbage or other offensive matter or thing onto any stall, avenue, passage, step or any part of the market except into a refuse bin or receptacle; or
- (d) keep animals, or take into a market animal on a leash or otherwise, or knowingly allow or permit any animal to follow him into a market.

- (2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Begging or exposure of any deformity prohibited**

27. (1) No person shall beg or apply for alms or expose any skin disease, wound, bodily ailment or deformity in any market and any authorized officer shall expel such persons from the markets, and no person so afflicted shall engage or assist in any business therein.

- (2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Diseased person**

28. (1) No person suffering from any infectious or contagious disease or carrying the infection of any disease shall engage in the preparation or sale of food in any market.

- (2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Interference with electrical or water fittings**

29. (1) No person shall tamper or interfere with any electrical or water fitting in any public market.

- (2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Power of inspection**

30. (1) No person shall prevent any authorized officer from entering or inspecting any part of any market at any time.

- (2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

**Power to expel person breaking regulation and to terminate lease**

31. Any authorized officer may expel or cause to be expelled from any market any person who or whose servant is or has been convicted of any offence or of disobeying any provision of these By-Laws and may prevent such person or his servant from further carrying on any trade or business in such market or occupying any stall therein and may terminate any lease or tenure which such person has in such stall, shop or other places.

**Installation of electrical appliances and connection**

32. (1) No electrical appliances or connection shall be installed or connected by a stallholder in a public market without the approval in writing of the Perbadanan and such stallholder shall bear all the costs and expenses of the connection, wiring or installation and shall pay all the electricity charges as determined by the Perbadanan.

- (2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

**Licence fees**

33. The license fees payable for a stall or pitch in a public market shall be as specified in the First Schedule. The licence fees payable for a private market shall be as specified in the Second Schedule.

**Transfer of stall or pitch and replacement of licence**

34. In the event of the Perbadanan permitting any transfer of any stall or pitch in a public market the fee payable shall be fifty ringgit. In the event of a licence being replaced because of loss to or damage of the original licence, the fee payable shall be fifty ringgit.

**Obstruction, seizure and detention**

35. (1) No person shall place or cause to be placed any goods, article or thing in any market so as to cause an obstruction.

- (2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

(3) Any authorized officer may seize and detain any such goods, articles or things at such place as may be determined by the Perbadanan and thereafter such goods, articles or things shall, until reclaimed under paragraph (6) of this by-law, remain with the Perbadanan at the risk of the owner.

(4) Notwithstanding the provisions of paragraph (3) of this by-law, any authorized officer shall not seize any of the perishable goods unless a notice has been served directing the person whose goods are to be seized to remove them within the time period specified in the notice and the person fails to do so.

(5) Any perishable goods seized after service of the notice under paragraph (4) of this by-law may be disposed of in such manner as determined by the Perbadanan.

